

23/01/1998

Produser filem disaran bergabung

Mokhtar Alias; Wan Sabariah Shikh Ali

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan semua pihak yang terbabit dalam penerbitan drama serta filem tempatan bergabung dan pada masa yang sama meningkatkan eksport produk masing-masing untuk dijual di stesen televisyen luar negara.

Beliau berkata, pengeluaran produk tempatan yang selama ini agak perlahan kesan kegawatan ekonomi, dengan sendirinya akan meningkat sekiranya sasaran untuk mengutamakan eksport menjadi kenyataan.

"Saya fikir kalau kita perluaskan sasaran kita supaya kita dapat jual di luar negara, maka keperluan akan meningkat. Segala kemudahan boleh diadakan dalam negara, tak payahlah kita hantar ke luar kerana perbelanjaan sekarang mengutamakan eksport. Kalau kita hantar ke luar, membayar kepada negara asing (dengan) bayaran yang tinggi, maka ini merugikan kita," katanya.

Mengenai penggabungan itu, Perdana Menteri berkata memandangkan ketika ini kemajuannya agak terhad, mereka perlu bergabung supaya dapat menggunakan kemudahan sedia ada secara bersama dan menyeluruh.

Dr Mahathir berkata, sekiranya hanya satu pihak menggunakan kemudahan berkenaan, maka ia memerlukan kos tinggi. Ini memandangkan peralatan yang digunakan agak canggih dan sudah pasti memerlukan kos tinggi.

"Kalau kita kerjasama (adalah) lebih baik. Kita bersaing dari segi cerita tetapi dari segi kemudahan lebih baik, saya fikir kita share (kongsi)," kata Dr Mahathir dalam sidang akhbar selepas melawat Studio HVD Entertainment di Cheras, semalam.

Beliau diiringi oleh Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, Pengarah Urusan HVD, Sebastian Foo dan Pengarah Eksekutifnya, Adnan Zakaria.

Sambil menyifatkan pasaran cerita Melayu berpotensi untuk dipasarkan dengan lebih meluas, Perdana Menteri berkata usaha itu boleh dilakukan dengan mengalih bahasa produk berkenaan dalam bahasa sesuatu negara yang dipasarkan.

"Dulu kita berpendapat cerita Melayu umpamanya hanya akan dilihat orang Melayu saja tetapi kita dapati cerita Melayu bila dialih bahasa dalam bahasa asing, nampak seolah-olah natural juga.

"Eksport seperti ini akan memperluaskan pasaran negara dan ini bermakna kita mempunyai potensi yang dahulu kita tidak nampak," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau diberi peluang menyaksikan drama Melayu yang dialih bahasa dalam bahasa Sepanyol yang bertujuan untuk dipasarkan di Amerika Latin.

Dr Mahathir yang kagum dengan usaha seumpama itu meminta penerbit tempatan mempertingkatkan usaha masing-masing mencari pasaran baru di luar negara dan sekali gus dapat menyahut seruan kerajaan meningkatkan eksport dalam menghadapi kegawatan ekonomi ketika ini.

(END)